# RINGKASAN EKSEKUTIF

## 1.0 PENGENALAN

Laporan EIA ini disediakan untuk projek bertajuk "**Cadangan Pembangunan Loji Rawatan Terma Sisa Terjadual di Kg. Langkawit, Papar, Sabah for Sedafiat Sdn. Bhd.**" (SWTTP). Di dalam laporan ini, projek akan dirujuk sebagai "Cadangan Projek" atau "Projek SWTTP".

Sewaktu krisis Pandemik Covid-19, terlihat bahawa terdapat peningkatan dalam pembuangan sisa terjadual disebabkan oleh kewujudan pusat kesihatan swasta sejak negara menuju ke arah kemajuan hub kesihatan di kawasan ini. Tambahan pula, akan ada pertambahan populasi yang akan memerlukan bantuan kesihatan dari penubuhan pusat-pusat kesihatan ini.

Sehingga kini, jumlah sisa dari pusat kesihatan yang terhasil akibat daripada Pandemik Covid-19 telah pun mencapai hadnya di mana masih banyak sisa yang perlu diurus dan dilupuskan setiap hari. Dengan ini, Projek Cadangan ini akan menerima hanya sisa terjadual yang terhasil dari pusat kesihatan kerajaan dan swasta di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk dilupuskan sebagai sisa berjadual.

Risiko yang berkait dengan sisa terjadual ini dan pengurusannya telah menarik perhatian ramai orang dari pelbagai peringkat di seluruh dunia dan termasuk forum tempatan dan antarabangsa. Namun begitu, keperluan untuk pengurusan sisa terjadual dengan betul mendapat perhatian kerana terbeban dengan penyakit berjangkit yang berkaitan dengan pengendalian yang lemah termasuk juga pada pendedahan ejen berjangkit (iaitu Ebola dan Covid-19) dan juga bahan-bahan toksik.

Malaysia telah memanfaatkan loji rawatan terma untuk merawat dan melupuskan sisa terjadual (iaitu sisa terjadual dan sisa terjadual yang lain). Pada masa kini, penubuhan teknologi canggih di dalam loji rawatan terma akan mempunyai peralatan dan mekanisma kawalan yang lebih baik dan mampu mencapai piawaian yang ketat oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Walaupun praktis pengurusan sisa terjadual masa kini berlainan dari satu hospital ke hospital yang lain, masalah yang dihadapi adalah sama untuk kesemua sisa terjadual di semua peringkat pengurusan termasuk pengasingan, pengumpulan, pembungkusan, pengangkutan, rawatan dan pelupusan. Pengurusan sisa terjadual yang tidak betul boleh memberi kesan kepada kesihatan. Oleh itu, ianya sangat penting untuk menguruskan sisa terjadual ini dengan efektif.

Di bawah perjanjian konsensi, Sedafiat Sdn. Bhd. (SSB) akan menyediakan servis kepada hospital dan fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta di wilayah Sabah dan Labuan. Penghasilan sisa terjadual dari hospital dan fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta dijangka akan meningkat, SSB mengambil langkah positif dalam mencadangkan pembinaan loji rawatan terma berkapasiti untuk melupuskan 12 juta tan sehari sisa terjadual di Kg. Langkawit, Papar, Sabah.

## 1.1 Penggerak Projek

Penggerak Projek, Sedafiat Sdn. Bhd. (SSB) bercadang untuk membangunkan loji rawatan terma sisa terjadual di Kg. Langkawit, Papar, Sabah. SSB telah ditubuhkan dan diiktiraf sebagai syarikat sendirian berhad. Alamat, nombor telefon, faks dan juga individu yang boleh dihubungi bagi pertanyaan mengenai EIA adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | **Sedafiat Sdn Bhd**<br>Lot 1-7, 2nd Floor, Block D, Metro Town,<br>Jalan Bunga Ulam Raja, Off Tuaran Road,<br>88300, Kota Kinabalu. |
| No. Tel. | : | +6(08) 843 7000 |
| No. Faks. | : | +6(08) 844 1328 |
| Individu yang boleh dihubungi | : | Datuk AG Buhtamam AG Mahmun (Pengarah) |
| Email | : | abam.sedafiat.com.my |
| Laman Sesawang | : | www.sedafiat.com.my |

## 1.2 Perunding EIA

Perunding EIA bagi projek ini adalah AMR Environmental Sdn. Bhd (AMR). AMR membekalkan perkhidmatan alam sekitar, pembersihan dan pemulihan industri, kejuruteraan dan makmal bagi menyelesaikan masalah berkaitan bagi mematuhi keperluan Jabatan Alam Sekitar (JAS). AMR telah ditubuhkan lebih 17 tahun sejak 2001, menyediakan perkhidmatan perunding profesional dan diiktiraf dibawah ISO/IEC 17025 bagi Makmal Ujian Kimia. EIA ini disediakan oleh AMR dengan penglibatan

perunding mahir mengikut bidang masing-masing. Maklumat berkaitan serta individu untuk dihubungi dari syarikat perunding EIA adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | **AMR Environmental Sdn. Bhd.(AMR)**<br>**(No. Pendaftaran Syarikat: 557909-P)**<br>No. 166-1, Jalan S2 B22,<br>Pusat Dagangan Seremban 2,<br>70300 Seremban,<br>Negeri Sembilan. |
| No. Tel. | : | 6(06) 601 4550 |
| No. Faks. | : | 6(06) 601 4560 |
| Individu yang boleh dihubungi | : | Ir. Ammar Mohd Rashid (Pengarah Urusan, Ketua Projek EIA) |
| Email | : | amr@amr.com.my |
| Laman Sesawang | : | www.amr.com.my |

## 1.1 Keperluan Perundangan bagi Aktiviti yang Ditetapkan

Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) adalah keperluan bagi aktiviti yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam. Seksyen 34A (2) akta tersebut menyatakan bahawa pihak yang ingin menjalan mana-mana aktiviti yang ditetapkan perlu menjalankan kajian EIA dan menghantar laporan kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk mendapatkan kelulusan.

Keterangan lanjut mengenai aktiviti yang ditetapkan yang akan dibina bagi cadangan pembangunan loji rawatan terma sisa terjadual di Kg. Langkawit, Papar, Sabah adalah seperti Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Kajian Impak Alam Sekitar) 2015 adalah seperti berikut:

**1) Loji Rawatan Terma (Aktiviti yang Ditetapkan, Jadual Kedua)**

14. Rawatan dan Pelupusan Sisa:

    (a) Sisa Terjadual:

        (i) Pembinaan Loji Rawatan Terma

Mengikut Garis Panduan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) Malaysia, 2016, Cadangan Pembangunan Loji Rawatan Terma Sisa Berjadual di Kg. Langkawit, Papar, Sabah mewarankan penyediaan laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) untuk diserah dan diluluskan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling [*Seksyen 34A(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)*]. Kajian EIA akan dilakukan mengikut Garis Panduan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) Malaysia, 2016, terbitan JAS.

## 2.0 BIDANG RUJUKAN KAJIAN EIA

Laporan Bidang Rujukan (TOR) bertajuk "Cadangan Pembangunan Loji Rawatan Terma Sisa Terjadual di Kg. Langkawit, Papar, Sabah untuk Sedafiat Sdn. Bhd." telah dihantar ke Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya pada 2 Mei 2019. Lawatan tapak telah diadakan oleh JAS pada 2019 untuk meneliti keadaan tapak dan keperluan berkaitan yang perlu diambil kira sebelum penyediaan Laporan EIA. Surat Pengesahan TOR telah diterima pada 11 Ogos 2020 (No. : JAS 600-2/13/15 Jilid 2 (4)) yang menyatakan keperluan dan skop kajian EIA bagi Projek Cadangan seperti yang disediakan di **Bab 2: Bidang Rujukan Kajian EIA**. Skop kajian impak berpotensi yang dikaji adalah seperti berikut:

i. Kualiti Udara
ii. Gangguan Tanah
iii. Impak Kesihatan
iv. Penilaian Risiko Kuantitatif
v. Pengurusan Sisa
vi. Kualiti Air Sisa
vii. Kualiti Air
viii. Penilaian Proses
ix. Kualiti Bunyi
x. Kualiti Bau

## 3.0 Penyataan Keperluan

Pembangunan loji rawatan terma sisa berjadual yang dicadangkan memudahkan pengangkutan, penyimpanan dan rawatan sisa berjadual yang dikutip daripada fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan pada masa akan datang.

SSB menyasarkan untuk mengumpul kod sisa berjadual dengan kod SW 403, SW 404, SW 405, SW 409, SW 410, SW 417, SW 421, SW 422, SW 423, SW 429 dan SW 430 dari fasiliti kesihatan kerajaan dan

swasta dan lain-lain pengeluar sisa yang berpotensi untuk diterima dan dirawat di tapak cadangan. Semua sisa berjadual akan diletakkan di dalam bekas yang kukuh dan ditanda mengikut ketetapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) supaya kesemua sisa boleh dikenal pasti dari punca penjanaan sehingga pelupusan. Definisi sisa yang akan diterima SSB adalah seperti berikut:

**Jadual RE.1: Penerangan Kod Buangan Terjadual sebagai Kriteria Penerimaan Sisa**

| Bil. | Kod Sisa Berjadual | Penerangan |
|---|---|---|
| 1. | SW403 | Dadah terbuang yang mengandungi bahan psikotrofik atau yang mengandungi bahan yang bertoksik, berbahaya, karsinogenik, mutagenik atau teratogenik |
| 2. | SW404 | Buangan patogenik, buangan klinikal atau bahan yang dikuarantinkan |
| 3. | SW405 | Buangan yang terhasil daripada penyediaan dan pengeluaran barangan farmaseutikal |
| 4. | SW409 | Bekas, beg atau kelengkapan yang dilupuskan yang dicemari dengan bahan kimia, racun mahkluk perosak, minyak mineral atau buangan terjadual |
| 5. | SW410 | Kain buruk, plastik, kertas atau turas yang dicemari dengan buangan terjadual |
| 6. | SW417 | Buangan dakwat, cat, pigmen, lakuer, perwarna atau varnis |
| 7. | SW421 | Campuran buangan terjadual |
| 8. | SW422 | Campuran buangan terjadual dan buangan tidak terjadual |
| 9. | SW423 | Larutan pemprosesan terpakai, bahan kimia fotografi terbuang atau buangan fotografi terbuang |
| 10. | SW429 | Bahan kimia yang terbuang atau tidak mengikut spesifikasi |
| 11. | SW430 | Bahan kimia makmal yang terbiar |

Penjanaan sisa berpotensi untuk menggugat alam sekeliling dan kesihatan awam. Ini bergantung kepada jenis pengurusan sisa dan cara ia dikawal. Pengurusan sisa perubatan yang tidak baik berpotensi mendedahkan pekerja, pengurus sisa, pesakit dan komuniti kepada jangkitan, kesan toksik dan kecederaan, dan risiko pencemaran kepada alam sekeliling. Adalah penting bagi bahan sisa kesihatan diasingkan di punca, dirawat dengan betul dan dilupus secara selamat. Rumusan penyataan keperluan bagi cadangan loji rawatan terma adalah seperti di **Rajah RE.1**

**Untuk menjadi syarikat konsensi yang menguruskan sisa terjadual dari hospital dan fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta dibawah persetujuan konsensi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);**

**Untuk membekalkan insfrastruktur bagi meningkatkan kualiti hidup di kawasan bandar dan luar bandar;**

**Untuk menguruskan sisa terjadual yang semakin meningkat disebabkan penubuhan fasiliti kesihatan yang pesat dan penduduk yang akan menerima rawatan kesihatan.;**

**Untuk memenuhi permintaan tinggi sisa terjadual yang terhasil pada masa depan;**

**Untuk memastikan sisa terjadual terhasil dapat disimpan dengan baik, dirawat dan diterima di premis yang ditetapkan untuk proses rawatan dan pelupusan;**

**Untuk membantu fasiliti kesihatan dengan menyediakan tempat untuk merawat dan melupuskan sisa terjadual;**

**Untuk menyediakan kapasiti untuk merawat lonjakan sisa terjadual apabila syarikat konsensi lain tidak dapat beroperasi;**

**Rajah RE.1: Rumusan penyataan keperluan bagi cadangan loji rawatan terma**

## 4.0 PILIHAN PROJEK

**Bab 4** membincangkan tentang pilihan projek bagi menangani isu peningkatan penjanaan sisa terjadual. Beberapa pilihan projek yang dipertimbangkan dan dinilai adalah seperti berikut:

Pilihan 1: Pilihan Tapak
Pilihan 2: Pilihan Teknologi
Pilihan 3: Pilihan Tiada Projek

**Pilihan 1: Pilihan Tapak**

Tapak projek ini berada dikawasan tanah lapang. Jika tiada pembangunan yang didirikan, tanah ini akan kekal seperti sediakala. Dengan projek yang dicadangkan, tapak ini akan dibangunkan dan menjadi kawasan zon perindustrian yang dirancang dengan baik.

Seperti yang tertera dibawah, lokasi tapak Projek Cadangan adalah sehaluan dengan Pelan Struktur Sabah 2033 yang dinyatakan oleh JPBW Sabah Didalam Pelan Struktur Sabah, ia nyatakan bahawa:

"Kerajaan akan menentukan untuk penubuhan fasiliti buangan untuk sisa terjadual dan sisa elektronik didalam Wilayah. Tapak yang mungkin dicadangkan akan berada dikawasan antara Beaufort dan Sipitang" (Bab 12, muka surat 12-31, Pelan Struktur Sabah 2033)

Kriteria yang penting didalam pemilihan tapak telah dipertimbangkan bagi proses pemeriksaan awal. Faktor alam sekeliling dan sosial atau kebajikan awam adalah faktor dominan dalam proses pemilihan.

Perincian kriteria pemilihan tapak bagi cadangan loji rawatan terma adalah seperti **Jadual RE.2** di bawah:

**Jadual RE.2: Kriteria dan Parameter Pilihan Tapak**

| Bil. | Pertimbangan | Kriteria |
|---|---|---|
| 1. | **Ukuran, Fizikal dan Guna Tanah** | |
| | a) Saiz termasuk kawasan peluasan | Jumlah kawasan cadangan projek adalah seluas 2.56 ekar di atas tanah keseluruhan berjumlah 4.35 ekar. |
| | b) Kesesuaian gunatanah | Tapak projek telah dizonkan sebagai kawasan luar ar di dalam Pelan Struktur Sabah 2033. Walau bagaimanapun, SSB sedang memohon pertukaran pengezonan tapak kepada zon industri atas nasihat Papar Majlis Daerah Papar dan Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah (JPBW) Sabah.<br>Kesimpulannya, kerajaan Negeri Sabah menyokong Projek Cadangan ini kerana merupakan keperluan penting negeri. |
| | c) Jauh dari kawasan penduduk padat | Kawasan penduduk terdekat adalah Kampung Langkawit yang terletak 1.4 km dari tapak projek. |
| 2. | **Kekangan Alam Sekeliling** | |
| | a) Elak daripada habitat unik, kawasan ekologi dan nilai estetik. | Tiada kekangan alam sekeliling bagi Projek Cadangan. Tambahan pula, tapak projek terletak bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kg. Langkawit. |
| 3. | **Kekangan Ekonomi** | |
| | a) Jarak adalah kurang dari separuh hari untuk ke tapak | Pengangkutan sisa mengambil masa tidak lebih dari separuh hari kerana terdapat rangkaian jalan yang baik |
| | b) Kos pengangkutan yang minima | Kos pengangkutan ke tapak projek adalah rendah kerana jalan ke tapak yang mudah akses. |
| 4. | **Kekangan Sosial** | |
| | a) Jarak ke bandar utama | Kawasan penduduk terletak 2 - 3 km dari tapak projek |
| | b) Jarak dari fasiliti awam | Fasiliti awam seperti sekolah, hospital, klinik dan masjid terletak 2 - 5 km dari tapak projek |

**<u>Pilihan 2: Pilihan Teknologi</u>**

Dua (2) cara rawatan sisa berjadual adalah melalui teknologi rawatan terma dan rawatan bukan terma. Kelebihan cara rawatan terma berbanding bukan terma untuk pelupusan sisa terjadual adalah terbukti

dan dalam kebanyakan situasi adalah mengikut kehendak teknikal, alam sekeliling dan perundangan. Kelebihan rawatan terma adalah seperti berikut:

- Proses detoksifikasi yang pantas;
- Produk akhir yang stabil atau *inert*;
- Pengurangan berat dan isipadu yang signifikan;
- Pilihan untuk pemerolehan kembali tenaga atau stim.

Oleh itu, SSB telah memilih rawatan terma jenis “Hearth” kerana teknologi ini mempunyai rekod penggunaan yang baik dalam merawat sisa terjadual. Tambahan pula, testimoni teknologi diseluruh dunia telah terbukti berkesan dalam mematuhi Peraturan Udara Bersih, 2014. Analisa lebih lanjut bagi teknologi rawatan terma telah disediakan di **Bab 4: Pilihan Projek** laporan EIA ini.

**Pilihan 3: Pilihan ‘Tiada Projek’**

Dengan pilihan ‘Tiada Projek’, tiada sebarang tindakan diambil untuk mengatasi isu kritikal peningkatan jumlah sisa terjadual untuk dilupus dan dirawat di Sabah. Ini mendatangkan implikasi serius kepada kesihatan dan alam sekeliling serta bertentangan dengan usaha kerajaan untuk memastikan pengurusan dan pelupusan yang selamat bagi sisa terjadual yang semakin bertambah terutamanya pada waktu Pandemik Covid-19 yang sedang melanda negara ini.

Pengurusan sisa terjadual yang tidak baik membawa risiko kepada kesihatan dan alam sekitar. Sisa terjana dari aktiviti perubatan adalah berbahaya, toksik dan berkemungkinan membawa maut kerana ianya berpotensi untuk menyebabkan jangkitan penyakit. Bahan berbahaya dan toksik dari pusat rawatan terdiri daripada bahan boleh berjangkit serta bahan tajam yang membawa risiko tinggi kepada manusia dan alam sekitar, jika tidak dirawat dengan betul, dilupus atau bercampur dengan sisa buangan yang lain.

Dengan pilihan ‘Tiada Projek’, tanpa loji rawatan terma di Kg. Langkawit, bermaksud pengendalian lebihan sisa terjadual di Sabah akan sampai hadnya tidak lama lagi. Kesan terburuk adalah apabila rawatan atau pelupusan sisa terjadual terhenti selama beberapa hari bahkan minggu atau bulan atau kerana kerosakan tidak dijangka oleh loji rawatan konsesi sedia ada. Ini menggambarkan perlunya inisiatif seperti yang dilaksanakan oleh penggerak projek, Sedafiat Sdn. Bhd. (SSB). Oleh yang demikian, pembangunan loji rawatan terma ini adalah sangat diperlukan dan pilihan ‘Tiada Projek’ adalah tidak relevan.

## 5.0 PENERANGAN PROJEK

Sedafiat Sdn. Bhd. (SSB) telah merancang untuk menjalankan perancangan, pembinaan dan pemasangan loji rawatan terma sisa terjadual dengan kapasiti pemprosesan berjumlah 360 Tan sisa sebulan di Kg. Langkawit, Papar, Sabah dengan menggunakan teknologi bakar dengan sistem kawalan pencemaran udara yang berkesan. Loji rawatan terma ini dipasangkan dua (2) ruang bakar iaitu kebuk pembakaran primer dan kebuk pembakaran sekunder. Kebuk pembakaran sekunder adalah bertujuan untuk memusnahkan gas mudah terbakar dan sisa pelepasan dari kebuk pembakaran primer dengan sempurna.

Loji rawatan terma ini akan bertapak di Kg. Langkawit, Papar, Sabah, dengan menggabungkan teknologi pembakaran moden dengan Sistem Kawalan Pencemaran Udara (APCS) dan Sistem Pemantauan Pelepasan Berterusan (CEMS). SSB memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah sisa terjadual yang semakin bertambah dari fasiliti kesihatan awam dan swasta seperti hospital dan klinik. Tambahan pula, SSB juga akan menerima sisa yang dihasilkan dari fasiliti kesihatan dari Wilayah Persekutuan Labuan.

Di Malaysia, pertumbuhan pesat hospital awam dan swasta bersama-sama dengan klinik telah menghasilkan banyak sisa terjadual. Sisa terjadual adalah kategori khas buangan terjadual kerana ianya berpotensi menimbulkan risiko kepada alam sekitar dan kesihatan. Bahagian yang bermasalah adalah sama untuk semua unit sisa terjadual dan pada semua peringkat pengurusan termasuk pengasingan, pengumpulan, pembungkusan, penyimpanan, pengangkutan, rawatan dan pelupusan. Pengurusan sisa terjadual yang tidak bagus boleh menyebabkan risiko kesihatan. Oleh itu, ianya sangat penting untuk menguruskannya dengan baik dan berkesan.

### 5.1 Lokasi Projek

Cadangan loji rawatan terma sisa terjadual akan dibina di Kg. Langkawit, Papar, Sabah. Tapak projek itu berukuran 4.35 ekar (17.620 $m^2$) dengan koordinat yang disediakan di **Jadual RE.3**. Plan nombor bagi cadangan tapak projek adalah 02135116 yang didaftarkan dibawah Jabatan Tanah dan Galian Sabah. **Rajah RE.2** menunjukkan lokasi tapak projek.

**Jadual RE.3: Koordinate GPS bagi Sempadan Tapak Projek**

| Titik*   | Latitud | Longitud |
|---|---|---|
| A | 5°40'2.21"N | 115°56'16.39"E |
| B | 5°40'3.40"N | 115°56'23.68"E |
| C | 5°39'59.69"N | 115°56'22.82"E |
| D | 5°40'0.88"N | 115°56'15.36"E |




**Rajah RE.2: Lokasi Cadangan Tapak Projek**

## 5.2 Kriteria Penerimaan Sisa

Hanya sisa terjadual dengan kod buangan terjadual SW 403, SW 404, SW 405, SW 409, SW 410, SW 417, SW 421, SW 422, SW 423, SW 429 dan SW 430 akan diambil dari fasiliti kesihatan awam dan swasta dan akan dirawat di loji rawatan terma yang dicadangkan. Semua sisa terjadual diletakkan didalam bekas yang tegar atau beg dan ditandakan mengikut ketetapan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) supaya semua sisa boleh dikesan daripada sumber penjanaan ke titik akhir.

Secara keseluruhan, kriteria sisa terjadual yang akan diterima dan dirawat bagi Projek Cadangan adalah yang telah didefinisikan dengan jelas oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk;

i. Apa-apa sisa yang mengandungi keseluruhannya atau sebahagiannya tisu manusia atau haiwan, darah atau cecair badan lain, perkumuhan, ubat-ubatan atau lain-lain keluaran farmaseutikal, swab dan cuci luka, penyuntik, jarum suntikan dan lain-lain peralatan yang tajam, sisa yang melainkan disahkan selamat, boleh menimbulkan bahaya kepada mana-mana orang yang menguruskan sisa;
ii. Apa-apa sisa lain yang timbul dari perubatan, kejururawatan, pergigian, amalan veterinar, farmasi atau serupa, penyiasatan, rawatan, penjagaan, pengajaran atau penyelidikan dan pengumpulan darah untuk transfusi, yang boleh menyebabkan jangkitan kepada mana-mana orang yang menguruskan sisa.

Sumber sisa terjadual yang diterima di atas adalah daripada lebih 492 premis yang berpotensi seperti yang digariskan dalam **seksyen 5.3.3**, **Bab 5: Huraian Projek** Laporan EIA ini.

## 5.3 Penerangan Proses Rawatan Terma

Projek Cadangan akan melibatkan aktiviti-aktiviti utama berikut:

- Pengumpulan dan pengangkutan sisa terjadual daripada hospital dan klinik swasta ke kemudahan rawatan yang dicadangkan;
- Menerima dan menyimpan sisa terjadual di bilik sejuk; dan
- Pemprosesan dan rawatan sisa terjadual di loji rawatan terma.

Keseluruhan fasiliti terbahagi kepada kawasan berikut:

- Kenderaan pengangkutan khas untuk pengumpulan sisa terjadual;
- Penimbangan tong yang membawa sisa terjadual ke tapak projek;
- Loji rawatan terma sisa terjadual;
- Kemudahan awam seperti pejabat pentadbiran, bilik penyelenggaraan, stor bilik sejuk, pintu keluar kecemasan, jalan dan lanskap; dan
- Stesen pembersihan tong.

Loji rawatan terma sisa terjadual ini mempunyai unit operasi yang berikut:

1. Sistem suapan (sistem suapan automatik);
2. Kebuk pembakaran primer (*Stepped Hearth*);
3. Sistem pembuangan abu automatik;
4. Kebuk pembakaran sekunder;
5. Sistem pemerolehan semula sisa haba;
6. Sistem kawalan pencemaran udara (untuk memastikan loji mematuhi Perundangan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014);
   - Cerobong Pintas Kecemasan (Keselamatan).
   - Pertukaran Haba.
   - Reaktor kering dan sistem penapis seramik.
7. Cerobong dan Sistem Pemantauan Berterusan (untuk pemantauan berterusan dan menghantar data ke JAS); dan
8. Kawalan Proses dan Keselamatan.

Gambar rajah aliran proses umum sisa terjadual loji rawatan Terma di tapak Projek Cadangan ditunjukkan dalam **Rajah RE.3** seperti berikut:




**Rajah RE.3: Aliran Proses Umum Loji Rawatan Terma Sisa Berjadual**

Unit operasi rawatan terma serta pengiraan terperinci adalah disertakan di **seksyen 5.5.1** Laporan EIA ini. **Rajah RE.4** menunjukkan ilustrasi loji rawatan terma sisa terjadual yang akan dipasang:



**Rajah RE.4: Ilustrasi Cadangan Loji Rawatan Terma Sisa Berjadual**

### 5.4 Sistem Rawatan Efluen Industri

Punca air sisa yang datang daripada pembasuhan dalaman yang merangkumi pembasuhan tong dan tayar trak dijangka akan menghasilkan lebih kurang 60 $m^3$ efluen industri sehari. Namun begitu, mungkin ada tambahan penggunaan air dan boleh mencapai tahap maksimum yang dibenarkan iaitu 100 $m^3$ sehari. Penjanaan air sisa akan dipastikan dalam kadar yang minimum.

Semua aktiviti pembasuhan tong dan trak dari kawasan operasi akan disalurkan terus ke tangki peneutralan sebelum ianya pergi ke tangki penyamaan (tangki pengumpulan air sisa) untuk dirawat menggunakan IETS yang ditetapkan sehingga ianya boleh digunakan kembali sebagai punca air untuk tujuan sekunder seperti pembasuhan am, pembersihan dan penanaman.

Komponen utama bagi IETS yang akan dibina adalah seperti berikut:

1) Tangki Neutralisasi
2) Tangki Penyamaan
3) Proses Penggumpalan
4) Sistem ‘Dissolve Air Flotation’ (DAF)
5) Tangki Perantaraan
6) Tangki Perawatan
7) Rawatan Biologi
8) Tangki Penapis Air
9) Penapis Karbon Aktif
10) Sistem UV
11) Tangki Air Terawat
12) Tangki Pengekalan Enap Cemar
13) Skru Penapis Air Enap Cemar

Pengiraan terperinci bagi komponen-komponen IETS disediakan di **Seksyen 5.6.2.3 Bab 5**. Kiraan keseimbangan jisim bagi IETS adalah seperti **Rajah RE.5**.




**Rajah RE.5: Kiraan Keseimbangan Jisim Sistem Rawatan Efluen Industri.**

# 6.0 ALAM SEKELILING SEDIA ADA

## 6.1 Persekitaran Fizikal

### 6.1.1 Topografi dan Saliran Semula Jadi

Tapak projek berada ditanah lapang dan tidak dibangunkan, ianya terletak berdekatan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Kg. Langkawit. Tapak pelupusan itu adalah dibawah Majlis Daerah Papar dan masih beroperasi. Sungai Kinabatangan merupakan sungai terbesar yang merangkumi kawasan seluas 15,385 $km^2$. Cadangan tapak projek pula terletak ditanah yang tiada sungai. Sungai yang terdekat adalah Sungai Benoni yang mengalir terus ke laut.

Penilaian tapak awal telah dijalankan dengan menggunakan *drone* untuk menentukan sistem saliran dan corak aliran air dari cadangan tapak projek ke laut. Berdasarkan pemerhatian, didapati aliran air yang berpunca dari pengumpulan air larian permukaan disebabkan oleh hujan yang bermusim mengalir secara semula jadi ke tanah lapang di kawasan tapak projek. Pengaliran air semula jadi telah membuat jalan untuk air terus mengalir ke longkang monsun di arah utara tapak Projek Cadangan. Air itu akan terus mengalir melalui longkang monsun dan akan dilepaskan ke Sungai Benoni dan terus mengalir ke laut.

Kebanyakan kawasan mudah banjir berlaku di kawasan berdekatan sungai utama seperti Sungai Kinabatangan dan Sungai Papar dimana kawasan disitu adalah tanah rendah secara semulajadi. Cadangan tapak projek tidak terletak di kawasan banjir tersebut.

### 6.1.2 Zon Kajian

Kajian ke atas penerima sensitif dari kawasan Projek Cadangan dan kawasan sekeliling dilaporkan dalam laporan EIA ini. Maklumat yang digunakan diambil dari temu bual tapak di dalam radius 5 km Zon Impak. Keperluan Zon Impak 5 km dibahagi mengikut radius; radius 0-1 km, radius 1-2 km, radius 2-3 km, radius 3-4 km dan radius 4-5 km. Analisa terperinci guna tanah sedia ada sekitar kawasan projek di dalam radius 5 km akan dibuat melalui lawatan tapak dan maklumat yang dikumpul dari pihak berkuasa tempatan serta pemantauan sulit, jika berkaitan.

Secara umum, **Jadual RE.4** menunjukkan senarai penerima sensitif dalam lingkungan radius 5 km berhampiran loji. Zon Impak (ZOI) adalah zon dimana penerima sensitif seperti sekolah, hospital, taman perumahan, kawasan komersial yang berada didalam radius kawasan 5 km dari tapak Projek Cadangan. Penerima sensitif di kawasan sekitar tapak projek ditunjukkan di **Rajah RE.6**.

Keputusan pemantauan keadaan alam sekeliling sedia ada dilaporkan dalam **Bab 6: Alam Sekitar Sedia Ada** dalam laporan EIA ini.

**Jadual RE.4: Penerima Sensitif di Kawasan Sekitar Tapak Projek Cadangan Berdasarkan Jarak**

| Bil. | Jarak (km) | Penerima Sensitif | Lokasi Cadangan Tapak Projek |
|---|---|---|---|
| 1. | 0 – 1 | - | - |
| 2. | 1 – 2 | 1. Kampung Langsat | T |
| | | 2. Kampung Langkawit | |
| | | 3. St. Lucas Catholic Church | |
| | | 4. Surau Nurul Hikmah | U |
| 3. | 2 – 3 | 1. SMK Benoni | U |
| | | 2. Kampung Sebarang Benoni | BL |
| | | 3. SK Langkawit | TL |
| | | 4. Kampung Melagui | TG |
| | | 5. Sekolah Agama Negeri Kg. Melagui | |
| | | 6. Mesjid As Said Derun Kg. Melagui | |
| | | 7. SK Lady of Fatima | |
| 4. | 3 – 4 | 1. Kampung Novoung | U |
| | | 2. Kampung Benoni | BL |
| | | 3. SK Benoni | |
| | | 4. Kampung Mimik | TL |
| | | 5. SK Kelatuan | TG |
| | | 6. Kampung Kelatuan | |
| | | 7. Gereja Katolik ST Kenneth | |
| 5. | 4 – 5 | 1. Commercial Office Lots | U |
| | | 2. Poultry Farm | S |
| | | 3. Surau al-Mukminin | BL |
| | | 4. Kampung Andus | |
| | | 5. Kampung Padawan Besar | TL |
| | | 6. QL Farm | TG |
| | | 7. SJK (C) Sen Ming | |

***Nota:***

*U= Utara* *S= Selatan* *TL= Timur Laut* *BL= Barat Laut*
*T= Timur* *B= Barat* *TG= Tenggara* *BD= Barat Daya*




*Source: Google Earth*

**Rajah RE.6: Kawasan Industri Terdekat, Kawasan Perumahan dan Penerima Sensitif di Cadangan Tapak Projek.**

## 6.2 Pemantauan Asas Alam Sekitar

### 6.2.1 Kualiti Permukaan Air

Terdapat empat (4) stesen pemantauan yang dikenal pasti untuk memantau kualiti permukaan air iaitu SW1, SW2, SW3 dan SW4. Pemantauan ini akan dilakukan di empat (4) stesen yang terletak di hulu dan hilir Sungai Benoni dan satu (1) stesen terletak berdekatan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Kg. Langkawit. Enam (6) tambahan stesen diletakkan sebagai titik model tambahan iaitu titik SW5, SW6, SW7, SW8, SW9, SW10. Dalam tempoh pemantauan, tida sampel air yang diambil pada titik SW6 kerana jalan masuk ke SW6 telah dihalang.

Kelas III, Piawaian Kualiti Air Negara (NWQS) Malaysia telah digunakan sebagai had untuk pemantauan asas kualiti permukaan air. Tambahan pula, Standard A Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Industri) 2009 telah digunakan sebagai had rujukan. Senarai Parameter Terlebih Had Berdasarkan Stesen Pemantauan ditunjuk di **Jadual RE.5**.

**Jadual RE.5: Senarai Parameter Terlebih Had Berdasarkan Stesen Pemantauan.**

| c | Stesen Pemantauan | Lokasi | Parameter Terlebih Had | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Standard A, IER 2009 (Rujukan) | Kelas III, NWQS |
| 1. | SW1 | Berdekatan Tapak pelupusan Sampah kg. Langkawit | • *Ammoniacal Nitrogen*<br>• *Colour pH Nat*<br>• *Colour pH 7.6*<br>• *Iron*<br>• *Manganese* | • *COD*<br>• *Ammoniacal Nitrogen*<br>• *Faecal Coliform*<br>• *Total Coliform*<br>• *Iron*<br>• *Manganese* |
| 2. | SW2 | Di Sungai Benoni | • *pH*<br>• *Colour pH Nat*<br>• *Colour pH 7.6*<br>• *Iron*<br>• *Phenol* | • *$BOD_5$*<br>• *Total Coliform*<br>• *Iron* |
| 3. | SW3 | Terletak di hilir tapak projek | • *Colour pH Nat*<br>• *Colour pH 7.6*<br>• *Iron* | • *$BOD_5$*<br>• *Faecal Coliform*<br>• *Total Coliform*<br>• *Iron*<br>• *Manganese* |
| 4. | SW4 | Terletak di hulu tapak projek | • *Colour pH Nat*<br>• *Colour pH 7.6*<br>• *Iron*<br>• *Phenol* | • *$BOD_5$*<br>• *Iron* |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5. | SW5 | Berdekatan dengan tapak projek | • *COD*<br>• *$BOD_5$*<br>• *TSS*<br>• *Ammoniacal Nitrogen*<br>• *Colour pH Nat*<br>• *Colour pH 7.6*<br>• *Copper*<br>• *Iron*<br>• *Manganese*<br>• *Sulphide*<br>• *Phenol* | • *COD*<br>• *$BOD_5$*<br>• *Ammoniacal Nitrogen*<br>• *Faecal Coliform*<br>• *Total Coliform*<br>• *Iron*<br>• *Manganese* |
| 6. | SW7 | Di Kg Langkawit | • *Iron* | • *Total Coliform*<br>• *Iron* |
| 7. | SW8 | Di Kg Langkawit | • *pH*<br>• *Iron* | • *BOD5*<br>• *Iron*<br>• *Manganese* |
| 8. | SW9 | Di hulu Sungai Benoni | • *pH*<br>• *Colour pH Nat*<br>• *Colour pH 7.6*<br>• *Iron* | • *BOD5*<br>• *Iron* |
| 9. | SW10 | Di hilir Sungai Benoni | • *Boron (Bo)*<br>• *Iron*<br>• *Fluoride* | • *Iron* |

Sebagai kesimpulan, berdasarkan keputusan tersebut, ia telah menunjukkan kualiti air sungai yang bagus dan mematuhi Kelas III NQWS di semua stesen pemantauan kecuali di stesen SW5 (Kelas V). Stesen SW5 terletak berdekatan dengan tapak projek dan juga Tapak Pelupusan Sampah Kg. Langkawit. Keputusan itu adalah disebabkan oleh air larut resap yang datang daripada tapak pelupusan tersebut seperti untuk parameter *COD, BOD, Ammoniacal Nitrogen, Total Coliform* dan *Faecal Coliform* yang merekodkan bacaan paling tinggi berbanding di stesen-stesen lain. Untuk parameter *Iron* dan *Mangenese,* keputusan menunjukkan yang ianya telah melebihi dari had yang telah ditetapkan. Hal ini disebabkan oleh pemendapan semulajadi tanah.

Perbandingan yang telah dibuat dengan Standard A, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Industri) 2009 adalah bertujan untuk memantau garis dasar keadaan air sungai supaya ia mematuhi piawaian tersebut. Untuk parameter *Color* dan *Iron,* ia telah merekodkan bacaan yang tinggi di hampir semua stesen. Kesemua parameter di stesen SW5 telah melebihi had yang telah ditetapkan berdasarkan Standard A. Ini mungkin disebabkan oleh air larut resap yang terhasil daripada tapak pelupusan sampah tersebut. Untuk parameter *Boron* dan *Fluoride,* keputusan menunjukkan bahawa ianya telah melebihi had yang ditetapkan yang mencadangkan terdapat input berpotensi di bahagian hilir jaringan sungai dan bukannya disebabkan oleh projek yang dicadangkan.

Kesemua efluen yang dirawat dari setiap industri akan disalurkan ke sungai yang sama dan mengikut Standard A, Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Efluen Industri), 2009. SSB akan membina fasiliti IETS untuk merawat air yang berpunca daripada aktiviti pembasuhan sebelum dilepaskan ke saluran tersedia dan terus mengalir ke sungai yang terdekat.

### 6.2.2 Kualiti Udara Ambien

